

20/11/1999

Kenyataan Gus Dur bukan sengaja

Johari Mohd in Jakarta

JAKARTA, Jumaat - Presiden Abdurrahman Wahid atau Gus Dur tidak berniat memburukkan Malaysia berhubung kenyataannya bahawa amat sukar untuk menemui menteri kabinet negara itu kerana sering bermain golf.

Menteri Luar, Alwi Shihab, berkata kenyataan yang dibuat ketika berucap di Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) semalam itu hanya jenaka yang dilakukan secara spontan tanpa disengajakan.

Menurutnya, Gus Dur memang suka berjenaka kerana memang sudah menjadi perangainya sejak dulu tanpa niat menyinggung sesiapaupun, terutama negara jiran.

"Saya harap Malaysia tidak berkecil hati dengan kenyataan Gus Dur kerana ia tidak disengajakan," katanya di sidang akhbar, di sini, petang ini.

Beliau mengulas kenyataan Gus Dur di DPR semalam yang mengatakan amat sukar menemui menteri Malaysia kerana sering bermain golf dan kalau mahu menemui mereka, cari di padang golf.

Kenyataan itu menimbulkan bantahan beberapa anggota DPR kerana dianggap mempersenda menteri Malaysia.

Sehubungan itu, mereka mendesak Gus Dur menarik balik kenyataannya kerana khuatir ia akan menjejaskan hubungan dua hala.

Alwi berkata, Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Rastam Mohd Isa, datang menemuinya di pejabat kira-kira jam 2 petang semalam untuk mendapatkan penjelasan mengenai kenyataan Gus Dur.

"Rastam menemui saya tanpa sebarang arahan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad.

"Jelaslah bahawa tindakan beliau itu menyediakan payung sebelum hujan," katanya.

Dalam pertemuan kira-kira sejam itu, Rastam menyatakan rasa tidak puas hatinya terhadap laporan media massa tempatan yang negatif kerana ia boleh menjejaskan imej Malaysia.

Rastam juga menganggap, walaupun Gus Dur hanya berjenaka, tetapi rakyat Malaysia tidak memahami perangai pemimpin nombor satu Indonesia itu.

Berikutan itu, Rastam bimbang kenyataan Gus Dur dijadikan modal pembangkang untuk berkempen menjelang pilihan raya 29 November ini.

"Rastam juga bimbang ia boleh menimbulkan kemarahan rakyat Malaysia," katanya.

Sehubungan itu, Alwi berkata, beliau mengambil keputusan untuk menjernihkan keadaan kerana bimbang hubungan dua hala terjejas berikutan kenyataan Gus Dur.

"Dengan penjelasan ini, diharapkan pembangkang tidak menjadikan ia modal untuk berkempen menentang kerajaan Barisan Nasional," tegasnya.

Beliau berkata, Indonesia juga mahu menjaga hubungan dua hala kedua-dua negara, yang selama ini terjalin baik.

(END)